

**MANUSIA DARIPADA SUDUT PANDANG AL-GHAZALI: TELAHAH KITAB
KIMIYA' AL-SAADAH
(Man From Al-Ghazali Point of View: The Study of Kimiya' Al-Saadah Book)**

*Mohd Khir Johari bin Abas¹, Aida Soraya binti Yusof²

¹Jabatan Pengajian Am,
Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang,
35950 Behrang Stesyen, Perak

²SMA Daerah Batang Padang,
35500 Bidor, Perak

*Corresponding author's email: khrjohari@yahoo.com

Article History:

Submit: 10 April 2020

Accepted: 18 September 2020

Revised: 28 December 2020

Published: 28 December 2020

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 4, No. 2 (2020), 140-147

Abstrak

Proses kaunseling yang berkesan sangat bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh seseorang kaunselor. Ini meliputi pengetahuan tentang andaian sesebuah teori berkaitan sudut pandang terhadap manusia (view of human nature) yang terangkum dalam teori yang diamalkan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan metod kualitatif analisis kandungan (Qualitative Content Analysis) dengan menggunakan analisis data Mayring. Prosedur Mayring terdiri daripada kaedah kesimpulan (Summary), tafsiran (Explication) dan penstrukturan (Structuring). Secara umumnya manusia terdiri daripada dua unsur iaitu fizikal (jasad) dan spiritual (roh). Dalam Kimiya' al-Sa'adah, Al-Ghazali lebih memberikan tumpuan terhadap spiritual (roh) berbanding fizikal. Ini selari dengan konsep beliau berkaitan ilmu, iaitu ilmu zahir dan ilmu batin. Ilmu zahir adalah berkaitan dengan interaksi manusia, merangkumi ibadah dan aktiviti anggota badan yang lain. Manakala ilmu batin berkaitan dengan muamalah hati. Elemen spiritual juga adalah momentum atau pendorong utama terhadap aktiviti anggota badan. Ada beberapa istilah yang digunakan oleh al-Ghazali bagi menjelaskan tentang sudut pandang terhadap manusia (view of human nature) dalam kitab Kimiya' al-Saadah, antaranya jasad, nafs, qalb, 'aql dan ruh.

Kata kunci: Kimiya' al-Sa'adah, Kaunseling Islam, ma'rifah al-nafs

Abstract

An effective counselling process depends heavily on the knowledge and skills that a counsellor possesses. This covers the knowledge of the assumptions of a theory relating to the view of human nature which is covered in theory practiced. In this study the researcher utilised the qualitative methodology of content analysis using Mayring data analytics. Mayring Procedure consists of conclusion method (Summary), interpretation (Explication) and Structuring. Generally humans consist of two elements which are physical and spiritual. In Kimiya' al-Sa'adah, Al-Ghazali focuses more on spiritual than physical. This is in line with his concept of knowledge, which are physical and spiritual knowledge. The knowledge of physical is related to human interaction, including worship and other limb activities. Meanwhile spiritual knowledge is related to the muamalah (dealing with) heart. Spiritual elements are also the main momentum or drivers of bodily activity. There are several terms used by al-Ghazali to explain the viewpoint towards view of human nature in the book Kimiya' al-Saadah, among them are physical, nafs, qalb, 'aql and ruh.

Keywords: Kimiya' al-Sa'adah, Islamic Counselling, ma'rifah al-nafs (revealed knowledge of purification of soul)

1.0 PENGENALAN

Proses kaunseling yang berkesan sangat bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh seseorang kaunselor (Meier & Davis, 2011). Kemahiran asas komunikasi sebagai contohnya adalah sangat penting di samping kemahiran-kemahiran kaunseling yang lain seperti meneroka masalah, memimpin, mentafsir tingkahlaku, emosi dan pemikiran, konfran, refleksi serta merumus segala yang dibincangkan bersama. Walau bagaimanapun segala kemahiran hanya akan lebih bermakna seandainya seseorang kaunselor dapat memahami serta menguasai kaedah dan teknik kaunseling yang ia selesa dengannya (Corey, 2013). Ini meliputi pengetahuan tentang teori (andaian) sudut pandang terhadap manusia (*view of human nature*) yang terangkum di dalam teori yang diamalkan (Fall, Holden, & Marquis, 2017).

Menurut Fall et al., (2017) inti daripada proses kaunseling adalah cerita tentang kehidupan seseorang. Teori kaunseling yang baik adalah kerangka cerita kehidupan yang baik. Ia meliputi penjelasan bagaimana seseorang menjadi baik. Ia juga membantu menjelaskan apakah masalah yang sedang dihadapi dan apakah penyelesaiannya. Dapat difahami bahawa, pandangan terhadap manusia adalah kerangka asas bagi teori psikoterapi. Tingkah laku manusia adalah reaksi mereka terhadap persekitaran untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi kehidupan dan perkembangan (Strong, 1984). Kajian mengenai tingkah laku manusia tidak boleh mengecualikan kajian berkaitan mengenal diri (Yasien Mohamed, 1986). Hal ini kerana mengenal diri adalah asas kepada kebahagiaan (Sofia & Puspita Sari, 2018) dan kebahagiaan adalah matlamat utama yang ingin dicapai oleh semua teori psikoterapi.

Dalam kajian ini, pengkaji mengetengahkan sudut pandang al-Ghazali berkaitan manusia. Teori kaunseling al-Ghazali adalah antara teori Kaunseling Islam yang banyak dikaji dan diteliti oleh para pengkaji.

2.0 METODE KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan metode kualitatif analisis kandungan (*Qualitative Content Analysis*). Menggunakan metode analisis data Mayring, (2014), teks boleh dianalisis menggunakan kaedah seperti etnografi (*ethnography*), teori beralas (*grounded theory*), analisis biografik (*biographical analysis*), analisis fenomenal (*phenomenological analysis*) dan lainnya. Pengkaji menggunakan kaedah analisis data Mayring untuk memberi tafsiran subjektif kepada kandungan teks melalui proses klasifikasi dan mengenal pasti tema daripada data. Prosedur Mayring terdiri daripada kaedah kesimpulan (*Summary*), tafsiran (*Explication*) dan penstrukturan (*Structuring*) (Kohlbacher, 2006).

2.1 Kesimpulan (*Summary*)

Teknik ini adalah salah satu teknik yang diguna bertujuan memfokuskan inti utama perbahasan yang terkandung dalam teks (Kohlbacher, 2006). Dalam kajian ini, inti utamanya adalah sudut pandang al-Ghazali berkaitan manusia (*view of human nature*). Kitab Kimiya' al-Sa'adah adalah sumber utama kajian. Selain daripada itu, bahan rujukan lain yang digunakan dalam kajian ini adalah artikel jurnal, bahan akademik dan buku. Proses ini memberi fokus terhadap *Ma'rifah al-Nafs* dalam kitab Kimiya' al-Sa'adah, untuk menentukan unsur-unsur daripada konsep manusia (*view of human nature*) mengikut pandangan Al-Ghazali.

2.2 Tafsiran (*Explication*)

Teknik ini bertujuan menghurai, mentafsir dan menyusun data (*annotates data*) yang diperolehi daripada ringkasan (Kohlbacher, 2006), untuk menentukan sifat-sifat manusia menurut al-Ghazali. Dengan menggunakan teknik ini, data dikumpulkan, dikategorikan dan diselarikan dengan subjek kajian iaitu sudut pandang terhadap manusia (*view of human nature*).

2.3 Penstrukturan (*Structuring*)

Ini adalah teknik yang paling penting dalam metode kualitatif analisis kandungan kerana ia dapat menyusun data mengikut kandungan, bentuk dan skala (Kolbacher, 2006). Dalam kajian ini, data yang diperolehi menggunakan teknik tafsiran disusun mengikut tema-tema sudut pandang terhadap manusia, seperti yang dinyatakan oleh Al-Ghazali.

3.0 MANUSIA MENURUT TEORI PSIKOTERAPI

Bidang sains adalah bidang yang mempunyai hubungan dengan sifat-sifat manusia sama ada secara implisit atau eksplisit (Aydin, 2012). Falsafah sains adalah kajian yang menjawab persoalan tentang sifat sains (*nature of science*), sama ada daripada segi ontologi, epistemologi atau pun aksiologi. Kaunseling adalah sebahagian daripada bidang sains. Proses Kaunseling adalah proses memberi bantuan daripada seorang pakar bagi menyelesaikan masalah seseorang dan menyokongnya (Zulfikar et al., 2018). Ia sangat berkait dengan bidang-bidang sains lain termasuk falsafah, antropologi, sosiologi dan psikologi. Asas falsafah yang mendasari aktiviti kaunseling adalah memahami sifat manusia (Skinner, 2010). Ia adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan daripada bidang kaunseling itu sendiri (Zulfikar et al., 2018).

Seorang kaunselor dalam berinteraksi dengan pelanggannya, perlu melihat dan merawat pelanggannya sebagai manusia keseluruhan dengan pelbagai dimensi. Kehendak manusia juga perlu untuk difahami agar berupaya untuk dipenuhi. Hal ini kerana konsep kehendak manusia adalah salah satu unsur utama yang perlu dibincangkan dalam mengenal pasti arah seseorang dalam kehidupan (Yahya et al., 2018). Setiap tindakan manusia lahir daripada kehendaknya. Justeru, amalan kaunseling yang tidak meletakkan perbincangan berkaitan manusia sebagai asasnya akan menjadikan bersifat mati dan kosong (Zulfikar et al., 2018).

Hampir keseluruhan psikoterapis klasik bersetuju bahawa manusia memiliki tenaga yang menggerakkan dirinya semenjak dilahirkan. Momentum yang wujud itu berperanan memenuhi kekurangan yang ada pada diri individu sama ada dalam bentuk fisiologi mahupun psikologi (Boon Keat, 2003). Namun mereka berbeza dalam menentukan kuasa pendorong manusia berasaskan perbezaan andaian mereka terhadap manusia (*view of human nature*) (Ashworth, 2000; Szasz, 1962).

Freud sebagai contohnya, memberikan penekanan terhadap kuasa dalaman manusia atau jiwa (*psyche*). Adalah suatu yang aksiom dalam teori psikoanalisis, fungsi jiwa adalah sah dan boleh dijelaskan. Naluri manusia terbahagi kepada *eros* dan *thanatos*. Semua kuasa naluri manusia telah disimpan dalam bentuk tenaga yang tidak bertambah (Sipon & Husin, 2013). Menurut Corey, (2013) Aliran Freud beranggapan bahawa manusia bersifat determinisme. Tingkah laku manusia ditentukan oleh daya tidak rasional, motivasi tidak sedar, biologikal dan naluri yang berevolusi semasa tahap psikoseksual utama dalam tahun-tahun pertama kehidupan. Idea tentang alam sedar (*conscious mind*), alam pra sedar (*pre-conscious mind*) dan alam bawah sedar (*unconscious mind*) merupakan elemen penting dalam struktur teori Freud (Ahmad, 2011).

Aliran Adler mempunyai pandangan yang berbeza terhadap manusia berbanding Aliran Freud. Bagi mereka, tingkah laku manusia dipengaruhi dan digerakkan oleh pengaruh sosial berbanding persoalan seksual. Tingkah laku manusia juga adalah tujuan dan matlamat yang diarahkan (Corey, 2013). Adlerian berminat dengan cara individu melihat kehidupan dan hubungan kekeluargaan (Sipon & Husin, 2013).

Teori realiti pula mengandaikan manusia dengan beberapa andaian (Wubbolding, 2017). Antaranya:

- a) Manusia berfungsi pada tahap atau keadaan kesedaran tanpa dipengaruhi oleh kuasa tidak sedar.
- b) Dalam diri manusia terdapat dorongan yang sihat. Ia terdiri daripada fizikal dan psikologi.
- c) Manusia mampu menentukan dirinya sendiri dan mampu mengawalinya.

Mereka juga berandaian bahawa manusia dilahirkan dengan lima keperluan asas kehidupan dan keperluan inilah yang menjadi pendorong kepada tingkah laku. Keperluan tersebut adalah : (a) kehidupan dan keperluan untuk terus hidup; (b) kasih sayang dan saling memiliki; (c) kuasa dan pencapaian; (d) kebebasan atau tidak bergantung kepada orang lain; dan (e) keseronokan (Wubbolding, 2017).

Antara teori yang memberikan fokus utama terhadap unsur kejiwaan adalah teori kewujudan. Menurut mereka, sifat manusia terhasil daripada perspektif ontologi dan fenomenologi. Seseorang dapat memahami pengalaman manusia dengan melihatnya melalui kaca mata manusia. Setiap individu mula memahami orang lain dan diri sendiri dengan memahami pengalaman keberadaan manusia (Fall et al., 2017).

Menurut Sipon & Husin (2013), mereka lebih berminat meneliti tema kehidupan berbanding membincangkan tentang teknik-teknik dalam teori. Tema-tema kehidupan itu termasuklah kematian, kebebasan, tanggungjawab terhadap diri dan orang lain, makna kehidupan dan menangani kehidupan yang tidak bermakna. Mereka menolak teori-teori psikoterapi sezaman mereka, begitu juga dengan teori Freud dan Adler Mereka menegaskan bahawa, kuasa dalaman (jiwa) tidak boleh dibahagi-bahagikan dan sukar untuk difahami dengan sains semulajadi (*natural sciences*) seperti biologi, kimia, dan fizik. Jiwa individu adalah keseluruhan usaha seseorang terhadap kewujudan. Mereka mempopularkan perkataan "*dasein*" bagi menggambarkan kefahaman mereka terhadap jiwa dan prosesnya.

Rogers membentuk andainnya tentang mausia (*view of human nature*) berasaskan ekspresinya terhadap alam semesta. Walaupun dia mengakui bahawa alam semesta berpotensi untuk susut dan berlakunya kekacauan, dia cenderung untuk mempercayai momentum kreativiti yang kuat terlibat dalam pembentukan dan evolusi ke arah yang lebih besar (Fall et al., 2017). Justeru mereka berandaian bahawa manusia boleh membuat keputusannya sendiri. Mereka perlu diberikan kepercayaan penuh untuk hidup, untuk berfungsi penuh dan hidup sesempurna mungkin (Sipon & Husin, 2013).

Prinsip teori Tingkah Laku Rasional-Emotif (REBT) pula dibangunkan dengan andaian bahawa manusia dilahirkan dengan potensi untuk berfikiran rasional atau sebaliknya (Salim, 2015). Manusia mudah terpengaruh untuk pemerapan sendiri (self-preservation), bergembira, berfikir dan mempercakapkan, kasih mengasih, berhubungan dengan orang lain dan bertumbuh mencapai aktualisasi-kendiri. Manusia juga memiliki kecenderungan untuk merosakkan diri, mengelak dari berfikir, bertanggung, melakukan kesilapan secara berulang, percaya kepada perkara karut, tidak bertoleransi, menyalahkan diri dan mengelak daripada mengaktualisasi potensi diri (Salim, 2015).

Literatur menunjukkan bahawa, keseluruhan teori psikoterapi memberikan penekanan terhadap sifat manusia (*view of human nature*). Menurut al-Ghazali, manusia perlu untuk difahami dari sudut fizikal dan spiritualnya (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010). Justeru, spiritual perlu dimasukkan dalam perbincangan kaunseling. Menerapkan elemen spiritual dalam kaunseling bukanlah merupakan satu usaha yang baharu. Bahkan ia telah diiktiraf secara meluas dalam kalangan pengamal kaunseling (Norazlina & Noor Shakirah, 2016). Hal ini kerana kepelbagaian masalah yang dihadapi oleh individu tidak hanya berpunca daripada aspek fizikal. Bahkan ia juga berpunca daripada aspek spiritual terutama yang bersangkutan dengan soal hati dan emosi (Hanin Hamjah, 2010).

4.0 KITAB KIMIYA' AL-SA'ADAH

Kimiya' al-Sa'adah merupakan bahagian awal daripada kitab besar al-Ghazali yang bertajuk Kimiya' al-Sa'adat wa al-'Ulum yang dihasilkan dalam Bahasa Parsi (Murtadha, 1994; Abd al-Rahman Badawi, 1977). Ia menyerupai kitab Ihya' melainkan beberapa perbezaan kecil (Murtadha, 1994). Terjemahan kitab Kimiya' al-Sa'adah pertama sekali dilakukan ke dalam bahasa Turki oleh Mustafa al-Wani (meninggal 1591 M) (Abd al-Rahman Badawi, 1977). Manuskrip yang dihasilkan oleh al-Wani diterjemahkan pula ke dalam bahasa Inggeris oleh H.A. Homes dengan judul *Alchemy of Happiness by Mohammed al-Ghazzali, the Mohammedan Philosopher* (Homes, 1873). Sebelum usaha penterjemahan yang dilakukan oleh Homes (1873), telah wujud beberapa cetakan dalam bahasa Parsi yang dicetak di Calcuta (Abd al-Rahman Badawi, 1977) dan Tehran (Bowering, 1995).

Ada beberapa usaha terjemahan yang telah dilakukan dalam bahasa Melayu antaranya terjemahan Muhammad Hafiz Ahmad Tajudin, (2015), terjemahan Labib M.Z, (1988), terjemahan Thinker's Library, (1986) dan terjemahan Abdul Majid bin Haji Khatib, (1976).

Melalui penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, terdapat beberapa perbezaan ketara antara terjemahan dalam bahasa Arab dan Bahasa Inggeris namun fokus adalah sama. Pengkaji berpandangan ini adalah kerana versi asal adalah dalam bahasa Parsi bahkan telah melalui beberapa penambahbaikan sebelum diterjemah ke dalam bahasa Turki, Inggeris dan Arab. Memandangkan kajian ini tidak memfokuskan kepada kajian kitab secara keseluruhan tetapi hanya melihat kepada perbincangan sudut pandang terhadap manusia atau *ma'rifa al-nafs*, justeru pengkaji tidak berhajat memanjangkan perbincangan berkaitan perbezaan yang wujud. Namun pengkaji sangat menyarankan agar ada satu kajian khusus mengkaji kitab ini secara menyeluruh kerana melihat kepada kepentingannya dalam memahami ilmu kejiwaan dalam Islam. Kajian juga perlu dijalankan bagi melihat konsistensi pandangan al-Ghazali terhadap manusia (*view of human nature*) melalui kitab-kitabnya yang lain khususnya kitab Ihya' Ulum al-Din.

Kimiya' al-Sa'adah adalah antara kitab terakhir yang dihasilkan al-Ghazali sebelum meninggal dunia (Bowering, 1995). Ia memfokuskan substansi dan nilai-nilai (Zaitur Rahem, 2018). Al-Ghazali, (n.d.) memulakan perbincangan dengan meletakkan beberapa persoalan pokok berkaitan kehidupan manusia. Empat perbincangan utama dalam kitab *Kimiya' al-Sa'adah* (Homes, 1873) adalah :

- a) Pengetahuan tentang diri.
- b) Pengetahuan tentang Allah.
- c) Pengetahuan tentang dunia.
- d) Pengetahuan tentang akhirat.

5.0 SIFAT-SIFAT MANUSIA MENURUT AL-GHAZALI DALAM KIMIYA AL-SAADAH

Dalam kitab Kimiya' al-Sa'adah, al-Ghazali menyatakan bahawa proses pemurnian karakter seseorang adalah kerja ke atas diri dan kemampuannya (Al-Ghazali, n.d.). Beliau meletakkan asas kebahagiaan sebenar adalah tatkala manusia benar-benar mengenali tuhannya. Namun mengenal Allah (*ma'rifatullah*) itu terhenti pada tahap pengenalan manusia kepada dirinya (*ma'rifah al-nafs*) (Ames, 2016). Ada beberapa istilah yang digunakan oleh al-Ghazali bagi menjelaskan tentang sudut pandang terhadap manusia (*view of human nature*) antaranya *nafs*, *qalb*, *'aql* dan *ruh*.

Secara umumnya manusia terdiri daripada dua unsur iaitu fizikal (jasad) dan spiritual (roh) (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010; Shamsudheen & Rosly, 2018). Al-Ghazali lebih memberikan tumpuan terhadap spiritual (roh) berbanding fizikal (Shamsudheen & Rosly, 2018). Ini selari dengan konsep beliau berkaitan ilmu, iaitu ilmu *zahir* dan ilmu *batin*. Ilmu *zahir* adalah berkaitan dengan interaksi manusia, merangkumi ibadah dan aktiviti anggota badan yang lain. Manakala ilmu *batin* berkaitan dengan muamalah hati (Yatimah, 2005). Elemen spiritual juga adalah momentum atau pendorong utama terhadap aktiviti anggota badan (Al-Ghazali, n.d.).

5.1 Hakikat *Nafs*

Al-Ghazali menjadikan *ma'rifah al-nafs* sebagai kunci kepada *ma'rifah Allah*. *Nafs* dalam maksud ini terbahagi kepada fizikal dan spiritual. Memahami *nafs* dengan maksud tangan, kaki, kepala dan anggota badan semata-mata tidak membawa manusia kepada *ma'rifah Allah*. Justeru, menjadi kewajipan seorang individu memahami maksud *nafs* sebenarnya sehingga membawa dia mengetahui: (1) apakah realiti dirinya?; (2) daripada mana dia berasal ? ; (3) untuk apa dia diciptakan ?; dan (4) apakah yang membuatkan dia merasa bahagia dan sengsara ? (Munif, 2017).

Selain daripada maksud umum, al-Ghazali turut menggunakan istilah *nafs* bagi maksud *qalb* yang terkait dengan pandangan batin. Hal ini kerana hakikat manusia adalah spiritual, bukan semata-mata jasad fizikal. Ini selari dengan beberapa kajian yang dijalankan bahawa perkataan *nafs* adalah perkataan yang merujuk kepada pelbagai maksud (Muhammad Aziz Nazmi, 2006).

5.2 Hakikat Jasad

Menurut al-Ghazali, jasad terdiri daripada organ-organ yang berfungsi mengikut ketetapanannya. Dengan keterbatasan pengetahuan yang ada, manusia tidak berupaya untuk benar-benar memahami hakikat jasad keseluruhannya dan cara ia berfungsi. Manusia hanya memahami anggota *zahir* seperti tangan, kaki, tubuh dan sebagainya namun tidak berupaya mengetahui perkara-perkara berbentuk *batini* yang berkaitan dengan jasad. Sebagai contohnya tatkala seseorang berada dalam keadaan marah, dia cenderung memiliki keinginan untuk bertengkar. Manakala tatkala seseorang berada dalam situasi syahwat yang sedang memuncak, dia berpotensi melakukan hubungan intim. Begitu juga tatkala seseorang dalam keadaan lapar, dia akan terdorong untuk makan.

Al-Ghazali (n.d) turut membahagikan sifat-sifat manusia kepada empat sifat utama iaitu sifat binatang ternak, sifat binatang buas, sifat syaitan dan sifat malaikat. Setiap sifat ini mempunyai kepuasan dan kebahagiaan yang ingin dicapai. Ini akan menggambarkan kecenderungan jiwa seseorang individu.

Kebahagiaan manusia sangat berkait rapat dengan potensi dan keupayaan sifat manusia daripada unsur kebinatangan dan malaikat. Unsur haiwan mendorong untuk makan, tidur, berkelahi, ingin menguasai dan lain-lain lagi. Manakala unsur malaikat mendorong seseorang sentiasa melakukan ketaatan. Inilah sifat fitrah manusia yang suci dari pengaruh sifat haiwan (Junoh, 2017). Justeru, dapat difahami bahawa kebahagiaan sebenar bukan sekadar memiliki akhlak yang sempurna, bertamadun, berinovasi dan mempunyai kedudukan yang tinggi. Kebahagiaan sebenar adalah berjaya menundukkan sifat haiwan kepada sifat malaikat, menundukkan keinginan nafsu mengikut kehendak akal, sifat malaikat menguasai sifat haiwan dan akal manusia mengatasi nafsu (Junoh, 2017).

5.3 Hakikat *Qalb* (Hati)

Al-Ghazali (n.d), menyandarkan setiap fenomena jasad kepada *qalb*. Beliau menghuraikan secara mendalam hakikat *qalb* dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya. *Qalb* terbahagi kepada fizikal dan spiritual. *Qalb* (fizikal) adalah merujuk kepada jantung. Manakala *qalb* (spiritual) merujuk kepada *nafs* atau roh. *Qalb* spiritual inilah menjadi momentum atau kuasa pendorong utama kepada jasad manusia. Bahkan keseluruhan jasad manusia adalah tentera-tenteranya. Beliau turut menambah bahawa hakikat sebenarnya *qalb* adalah sangat sukar dirungkai kerana ini termasuk dalam urusan Allah SWT.

Keutamaan *qalb* berbanding yang lain-lain jelas dalam analogi yang diketengahkan oleh Al-Ghazali, (n.d). Beliau mengumpamakan jasad sebagai sebuah kerajaan, seluruh anggota dan deria adalah tentera-tenteranya, *qalb* sebagai rajanya, akal adalah perdana menteri, syahwat dan sifat marah sebagai pengumpul hasil, dan *ammarah* sebagai polis. Dengan alasan mengumpulkan hasil, syahwat selalu ingin merampas segala hal demi kepentingan sendiri, sementara *ammarah* cenderung bersikap kasar dan keras. Pemungut hasil dan polis perlu diletakkan di bawah kawalan raja, tetapi tak mesti dibunuh atau ditindas, karena mereka mempunyai peranan tersendiri yang perlu dipenuhi.

Dalam menghurai hakikat hati ada beberapa istilah yang dinyatakan oleh al-Ghazali, yang saling bersangkutan. Istilah-istilah tersebut adalah roh, nafsu dan akal. Setiap istilah tersebut memiliki batasan atau pengertian berbeza.

1. Roh

Roh adalah inti kepada kehidupan. Ia diciptakan lebih awal berbanding jasad. Hal ini kerana jasad terbentuk dalam kandungan sedangkan akal mendahuluinya daripada sudut penciptaan. Ia termasuk dalam perkara ghaib yang tidak diketahui hakikatnya melainkan Allah. Roh juga adalah sebahagian bukti kekuasaan Allah. Al-Ghazali turut menyanggah dakwaan kelompok tertentu berkaitan roh, seperti mendakwa roh bersifat qadim, tanpa 'aradh dan jisim atau ia adalah sejenis dengan Malaikat. Beliau turut menamakan roh sebagai *qalb* dan ia merupakan tempat untuk mengenal Allah. Oleh kerana nas-nas agama menghadkan maklumat tentang roh, menjadikan pengetahuan mengenainya terbatas (Ames, 2016). Mengetahui hakikat roh bukanlah tuntutan syara', bahkan pengetahuan tentangnya akan datang secara anugerah setelah usaha bersungguh-sungguh.

2. Akal

Al-Ghazali menggambarkan akal adalah sebagai Perdana Menteri dalam sebuah kerajaan yang diketuai oleh hati. Ia perlu berinteraksi dengan hati. Seandainya akal diletakkan di bawah pengaruh syahwat dan kemarahan, ia akan merosakkan jiwa. Panca indera pula adalah pekerja bagi akal dan akal adalah pekerja kepada hati. Manusia diperintah menghilangkan kejahilan dengan cahaya akal.

Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa interaksi antara akal dan nafsu menentukan akhlak seseorang. Tatkala akal mendominasi syahwat, maka akan muncul amalan terpuji. Sebaliknya, apabila syahwat yang mendominasi dan mengendalikan akal, maka hati pun akan menuruti kehendak syahwat. Natiujahnya muncul akhlak atau amal yang jelek dari jasad tersebut.

3. Nafsu

Dalam Kimiya' al-Sa'adah, al-Ghazali menggunakan istilah syahawat untuk menggambarkan nafsu. Berbeza dengan Ihya', di dalamnya beliau menghuraikan nafsu lebih terperinci beserta pembahagiannya. Syahwat digambarkan sebagai penghalang manusia untuk benar-benar mengenal dirinya dan sebagai penghalang untuk mengenal Allah. Namun sifat syahawat adalah tidak boleh dibuang kerana ia adalah pendorong manusia untuk meneruskan kelangsungan kehidupan seperti makan, minum, berkahwin dan segala perbuatan yang bersangkutan dengan sifat-sifat binatang. Al-Ghazali berpandangan, syahawat perlu diletakkan di bawah kawalan akal agar ia tidak merosakkan jiwa.

6.0 KESIMPULAN

Dalam Kimiya' al-Sa'adah, al-Ghazali memberikan pemberatan terhadap *qalb* (hati) dalam bentuk spiritual berbanding perkara lain. Ia sangat jelas dengan beberapa analogi yang didatangkan dan pengistilahan yang digunakan seperti "hati adalah raja", "hanya hati tempat *ma'rifah* Allah", "keseluruhan jiwa tunduk kepada hati", "hati sejenis dengan malaikat", "hati pintu bagi ilmu", "hati berhubung dengan *lub al-mahfuq*", dan "hati tempat melihat keagungan Allah dan keindahan ciptaan-Nya".

Walau bagaimanapun, al-Ghazali tetap melihat pembinaan personaliti seseorang individu meliputi keseluruhan individu itu secara sepadu (Md Noor, 2012). Ianya terdiri daripada aspek fizikal dan spiritual. Kedua-dua elemen ini saling berhubungan antara keduanya. Ini jelas dalam analogi yang didatangkan oleh al-Ghazali iaitu jasad sebagai sebuah kerajaan, seluruh anggota dan deria adalah tentera-tenteranya, *qalb* sebagai rajanya dan anggota badan umpama tenterannya. Setiap satu mempunyai peranan masing-masing dan dalam masa yang sama saling berkaitan antara keseluruhannya.

Secara prinsipnya psikologi Islam bersifat holistik. Ia bergantung kepada persepsi bahawa manusia terdiri daripada komponen fizikal dan spiritual. Komponen ini berfungsi dengan baik dalam hubungan hierarki yang dinamik.

7.0 RUJUKAN

- Abd al-Rahman Badawi. (1977). *Muallafat Al-Ghazali* (2nd Ed.). Kuwait: Wakalah al-Matbu'at.
- Abdul Majid Bin Haji Khatib. (1976). *Kimia Kebahagiaan* (Imam Al-Ghazali). Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ahmad, M. (2011). Agama dan Psikoanalisa Sigmund Freud. *Religia*, 14(2), 277–276.
- Al-Ghazali, A. H. M. Ibn M. (N.D.). *Kimiya' al-Sa'adah*. in *Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali* (Pp. 447–457). Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiah.
- Ames, R. L. (2016). The Technology of Happiness : Philosophy, the Body, and Ghazali's *Kimiya'us Sa'adah*, 2(2013), 121–139. <https://doi.org/10.1558/Cis.27043>
- Ashworth, P. (2000). *Psychology and Human Nature*. United Kingdom: Psychology Press - Taylor & Francis Group.
- Aydin, N. (2012). A Grand Theory of Human Nature and Happiness. *Humanomics*, 28(1), 42–63. <https://doi.org/10.1108/08288661211200988>
- Boon Keat, O. (2003). *Penggunaan Teori Psikologi Individu Sebagai Panduan Memahami Tingkah Laku Penagih Dadah*. Universiti Putra Malaysia.
- Bowering, G. (1995). The Alchemy of Happiness. *Journal of Near Eastern Studies*, 54(3), 227–228.
- Corey, G. (2013). *Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy* (International). Canada: Cengage Learning.
- Fall, K. A., Holden, J. M., & Marquis, A. (2017). *Theoretical Model of Counseling and Psychotherapy* (3rd Ed.). New York: Routledge Taylor & Francis.
- Hanin Hamjah, S. (2010). Bimbingan Spiritual Menurut al-Ghazali dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). *Jurnal Islamiyyat*, 32(32), 41–61.
- Homes, H. A. (1873). *The Alchemy of Happiness* (Out-Of-Pri). Albany, NY: A Bell & Howell Information Company.
- Junoh, N. (2017). Perbandingan Konsep al-Sa'adah Menurut al-Ghazali dan al-Dihlawi, 7–8.
- Kohlbacher, F. (2006). The Use of Qualitative Content Analysis in Case Study Research. *Forum : Qualitative Social Research*, 7(1).
- Labib M.Z. (1988). *Mencapai Kebahagiaan Hidup*. Klang: Klang Book Centre.
- Mayring, P. (2014). *Qualitative Content Analysis*. Klagenfurt, Austria.
- Md Noor, S. (2012). *Pembinaan Modul Bimbingan Tazkiyah an-Nafs dan Kesannya ke atas Religiositi dan Resiliensi Remaja*. Universiti Utara Malaysia.
- Meier, S. T., & Davis, S. R. (2011). *The Elements of Counseling* (7th Ed.). Belmont, CA, US: Brooks/Cole Cengage Learning.
- Muhammad Aziz Nazmi, R. (2006). *Al-Nafs wa Haqiqatuha fi al-Quran al-Karim*. Markaz al-Khidmah lil Intisyarat al-Bathiah, (Februari), 6–39.
- Muhammad Hafiz Ahmad Tajudin. (2015). *Kimia Kebahagiaan*. Bandar Baru Bangi: Pelita Media.
- Munif, M. R. (2017). *Ranah Afektif dalam Perspektif al-Ghazali* (Kajian Terhadap Kitab *Kimia al-Sa'adah*). Institut Agama Islam Negeri Salatiga.
- Murtadha, S. M. Ibn M. Al-H. A.-Z. (1994). *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarh Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Muassasah al-Tarikh al-Arabi.
- Norazlina, Z., & Noor Shakirah, M. A. (2016). Theories and Modules Applied in Islamic Counseling Practices in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 56(2), 507–520. <https://doi.org/10.1007/S10943-016-0246-3>
- Salim, S. (2015). *Terapi Tingkah Laku Rasional-Emotif*. dalam *Pendekatan Kaunseling* (Cetakan ke, Pp. 1–16). Kuala Lumpur: Penerbitan Lembaga Kaunselor.
- Shamsudheen, S. V., & Rosly, S. A. (2018). Islamic Conception of Psychological Nature of Man ; Development and Validation of Scale with Special Reference to al-Ghazali's Model. *International Journal of Ethic and System*, 34(3), 321–337. <https://doi.org/10.1108/IJOES-01-2018-0012>
- Sipon, S., & Husin, R. (2013). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi* (4th Ed.). Nilai: Penerbit USIM.

- Skinner, R. (2010). An Islamic Approach to Psychology and Mental Health, 13(6), 547–551. <https://doi.org/10.1080/13674676.2010.488441>
- Sofia, N., & Puspita Sari, E. (2018). Indikator Kebahagiaan (Al- Sa'adah) dalam Perspektif al-Quran dan Hadis. *Psikologika: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*, 23(2), 91–108. <https://doi.org/10.20885/Psikologika.Vol23.Iss2.Art2>
- Strong, S. R. (1984). Reflections on Human Nature, Science and Progress in Counseling Psychology. *Journal of Counseling Psychology*, 31(4), 470–473.
- Szasz, T. S. (1962). Human Nature and Psychotherapy. *Comprehensive Psychiatry*, 3(5 (Oktober)), 268–283.
- Thinker's Library. (1986). *Kimia Kebahagiaan*. Kuala Lumpur: Thinker's Library.
- Wubbolding, R. E. (2017). *Reality Therapy and Self-Evaluation*. Alexandria: American Counseling Association.
- Yahya, N., Omar, S. H. S., Al-Shafi'i, M. M. O., Abdullah, M. S., Ali, M. S., & Engku Wok Zin, E. I. (2018). The Concept of Human Will According to al-Ghazali and Abraham Maslow: A Comparative Study. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(10), 91–99. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/V8-I10/4715>
- Yasien Mohamed. (1986). *The Islamic Conception of Human Nature with Special Reference to the Development of an Islamic Psychology*. University of Cape Town.
- Yatimah. (2005). *Kaunseling Islam : Satu Analisis Kualitatif Model Kaunseling Berasaskan Sifat-Sifat Manusia oleh Imam al-Ghazali*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yatimah, S., & Mohd Tajudin, M. (2010). *Teori Kaunseling al-Ghazali (2nd Ed.)*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Zaitur Rahem. (2018). Menggali Paradigma Pendidikan Berkeadaban dari Kitab Ayyuha Al-Walad dan Kimiatus Sa'adah. *Jurnal Islam Nusantara*, 02(01), 60–71.
- Zulfikar, Z., Alfaiz, A., Zaini, A., Suarja, S., Nofrita, N., & Kardo, R. (2018). Counseling as a Science or Educational Practice in Multicultural Philosophy Dimension (A Synthesize and Counselor Perception about Counseling Profession). *International Journal of Research in Counseling and Education*, 02(01), 1–7. <https://doi.org/10.24036/0049za0002>